

(27 Disember 2020) Sinar, p. 12.

# Catat kes positif harian tertinggi

Sebanyak 2,335 kes baharu dengan keseluruhan kini mencecah 103,900 kes

## KUALA LUMPUR

Malaysia merekodkan kes harian baharu Covid-19 tertinggi sejak pandemik itu melanda negara dengan 2,335 kes pada Sabtu sekali gus menyaksikan jumlah kes aktif dengan kebolehan jangkitan kini melepasi angka 20,000 kepada 20,035 kes. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan

baharu itu menjadikan jumlah keseluruhan kes di negara ini mencecah 103,900 kes.

Beliau berkata, Kuala Lumpur melaporkan kes baharu tertinggi iaitu 728 kes dengan 677 daripadanya melibatkan kluster-kluster sedia ada dan hasil saringan kontak rapat Covid-19 di lapangan.

“Selangor mencatat sebanyak 710 kes; Johor (412 kes); Sabah (248 kes); Pulau Pinang (58 kes); Kelantan (54 kes); Negeri Sembilan (33 kes); Perak (26 kes) dan Pahang (19 kes).

“Sementara itu, Kedah dan Labuan masing-masing merekodkan 16 kes; Sarawak (enam kes); Melaka (lima kes); Putrajaya (tiga kes) dan Perlis hanya satu kes,” katanya dalam satu



DR NOOR HISHAM

kenyataan mengenai perkembangan jangkitan Covid-19 di sini pada Sabtu.

Sebelum ini negara pernah mencatat jumlah kes harian baharu lebih 2,000 iaitu 2,188 kes pada 24 November; 2,234 (10

Disember); 2,018 (21 Disember) dan 2,062 (22 Disember).

Beliau turut memaklumkan bahawa terdapat pertambahan dua kematian melibatkan warganegara pada Sabtu menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah sebanyak 451 kes.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 11 kluster baharu dilaporkan iaitu kluster harian tertinggi dengan empat daripadanya membabitkan tempat kerja di ibu negara, Selangor dan Pahang.

Menurutnya, empat kluster itu ialah Kluster Tapak Bina Jalan Seng, Kluster Plastik Subang, Kluster Jalan Asam dan Kluster Semambu yang dikenal pasti melalui saringan bersasar di tempat kerja berkenaan.


“Kluster Tapak Bina Jalan Seng melibatkan daerah Titiwangsa di Kuala Lumpur dengan kes positif dikesan pada 25 Disember di sebuah tapak binaan melibatkan 407 individu dan daripada jumlah itu, 232 kes dikesan positif Covid-19.

“Kluster Plastik Subang pula melibatkan daerah Petaling dan Klang di Selangor dengan kes positif dikesan 23 Disember di sebuah kilang melibatkan 354 individu dan hasilnya 111 kes dikesan positif,” katanya.

Sementara Kluster Jalan Asam turut membabitkan dua daerah yang sama apabila kes positif dikesan bermula 19 Disember melalui saringan bersasar di sebuah kilang sejumlah 713 individu dengan 13 kes dikesan positif. - Bernama


## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



\* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 26 Disember 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 101,565 kes kepada 103,900 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI				
JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
103,900	83,414	108	451	+2,335

